

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Tunai janji projek naik taraf hospital

GEORGE TOWN - Kementerian Kesihatan sentiasa menunaikan janji melaksanakan projek-projek menaik taraf hospital dan klinik kesihatan di seluruh negara mengikut keperluan, termasuk di Pulau Pinang.

Menterinya, Datuk Seri S Subramaniam berkata, pelbagai projek menaik taraf hospital diluluskan Kerajaan Persekutuan, khusus untuk rakyat di Pulau Pinang.

"Pelbagai projek untuk menaik taraf hospital-hospital di negeri ini telah diluluskan demi kepentingan pen-

duduk Pulau Pinang dan dakwaan kelewatan meluluskan peruntukan tidak benar," katanya, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Menteri, Lim Guan Eng pada Isnin lalu, dilaporkan meminta Kementerian Kesihatan melaksanakan janji menjalankan projek-naik taraf hospital di negeri ini tanpa kelewatan.

Jelasnya, Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan RM250 juta untuk membina bangunan baharu bagi wanita dan kanak-kanak di Hospital Pulau Pinang.

Menurutnya, selain Hospital Pulau Pinang, kementerian juga melaksanakan projek pembinaan bangunan baharu di Hospital Seberang Jaya bernilai RM486 juta, manakala merancang untuk naik taraf Hospital Balik Pulau.

"Banyak yang sedang berlaku di Pulau Pinang, jadi mungkin ketua menteri tidak buka mata dan tengok semua ini," katanya.

Kementerian juga sedang meneliti kawasan sesuai untuk tempatkan unit pesakit luar Hospital Pulau Pinang.
- *Bernama*